

25 FEB 2003

NAM-Mahathir (Keutamaan)/I

ISU PALESTIN DAN IRAQ KEUTAMAAN NAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Perkara segera yang akan diberi keutamaan oleh Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) adalah untuk menyelesaikan krisis Palestin dan menghindari peperangan di Iraq, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Dr Mahathir yang mengambil alih jawatan pengerusi NAM berkata demikian pada sidang media selepas majlis penutupan Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sejak 20 Feb lepas.

Ditanya mengenai laporan media Barat yang menyifatkan NAM sebagai "sebang kedai kopi", Dr Mahathir berkata: "Jika begitu ujian terbaik (bagi NAM) tentulah dengan menghapuskannya sama sekali, tanpa NAM kita akan dikunyah dan ditelan satu persatu."

Beliau berkata walaupun gesaan supaya peperangan diharamkan sesuatu yang idealistik, kuasa-kuasa besar sentiasa enggan tunduk kepada keputusan-keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pelucutan senjata.

Perdana Menteri semasa merasmikan sidang berkenaan semalam, berkata perang patut diharamkan dan semua senjata pemusnah besar-besaran dihapuskan dari muka bumi.

"Mereka (kuasa-kuasa besar) percaya mereka memiliki keistimewaan dan tidak akan menyalahguna senjata itu tetapi kita tidak mempercayainya. Tetapi jika kita terus berdiam dan membiarkan mereka, akhirnya mereka tidak akan langsung merasa bersalah kerana memiliki atau menggunakan senjata-senjata itu," katanya.

Beliau berkata NAM perlu terus mendesak semua pihak agar melucutkan apa sahaja jenis senjata pemusnah besar-besaran dan juga senjata konvensional yang sedang dibangunkan hingga ke peringkat ia juga boleh menjadi senjata pemusnah besar-besaran.

Ditanya bagaimana NAM dapat menjadi lebih proaktif, Dr Mahathir berkata apabila terdapat perbincangan atau persidangan yang membawa kesan kepada anggota NAM, perlu diadakan "sesuatu perbincangan awal agar kita dapat membincangkan pendirian bersama dan ini terpakai khususnya dalam proses globalisasi dan mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)."

Beliau berkata untuk NAM bergerak maju, semua anggota perlu bekerja keras "kerana semua itu adalah perkara praktikal yang perlu difikirkan dengan masak."

"Kita tidak boleh kata hendak berbuat itu dan ini tetapi mendapati kita tidak dapat melakukannya."

"Saya ingin mengatakan Malaysia akan berunding dengan troika (pengerusi NAM sebelum, kini dan akan datang) dan dengan anggota-anggota lain sebelum merancang program seterusnya."

Merujuk kepada Amerika Syarikat yang jahil terhadap demonstrasi anti perang di seluruh dunia, Dr Mahathir berkata adalah biasa bagi pihak yang ditentang mengatakan demonstrasi-demonstrasi itu sebagai tidak bermakna.

"Tetapi mereka akhirnya akan mendapat jawapan apabila mengadakan pilihan raya atau ingin berbuat sesuatu dan mendapati seluruh dunia tidak bersama mereka," katanya.

Ditanya mengenai media Barat yang digunakan bagi menyembunyikan sesuatu, menyebarkan pembbohongan dan menghebahkan NAM sebagai tidak relevan, Dr Mahathir berkata: "Kami semua mahu setiap perkara itu diimbangi dan tidak gemar kepada perkara yang berat sebelah."

Sebagai contoh, apabila berlaku demonstrasi kecil di Malaysia, media

Barat akan melaporkan seolah-olah ia merupakan satu cubaan menjatuhkan kerajaan tetapi di tempat lain, demonstrasi yang besar pun dikatakan penunjuk perasaan itu diupah.

"Tentu menelan belanja besar untuk mengupah lebih sejuta orang menyertai demonstrasi. Adalah logik jika 200 orang diupah untuk menyertai demonstrasi," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau tidak bimbang dengan tindak balas AS terhadap ucapan lantanginya pada perasmian sidang itu, beliau berkata: "Seperti orang lain, saya juga takut. Bila anda menghulurkan leher, ia mungkin dicantas tetapi setakat ini belum lagi."

Dr Mahathir berkata pergerakan itu "akan memikirkan" cadangan mewujudkan konvensyen media NAM.

"Ia boleh menjadi antara perkara yang perlu dilakukan bagi mendapatkan liputan dari sumber-sumber Selatan," katanya.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai masa depan NAM, beliau berkata: "Saya percaya semua anggota NAM merasakan pergerakan itu perlu berfungsi sebagai sebuah pergerakan.

"Mereka semua bersetuju tindakan perlu diambil untuk menangani isu Palestin dan kemungkinan perang terhadap Iraq (dilancarkan oleh AS).

"Perkara-perkara lain juga tidak mendapat tentangan dan disebabkan itu, kita dapat meluluskan semua keputusan dan resolusi yang dibincangkan di peringkat menteri," tambahnya.

-- BERNAMA

MNY SR MFJ TS MOZ